



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

PERMOHONAN PERTUKARAN TANAH WAKAF KHAS KEPADA WAKAF AM

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah meneliti permohonan Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) mengenai hasrat pewakaf (Puan Sepiah @ Safiah binti Hamid) untuk **menukar status Wakaf Khas; "Institusi al-Quran Darul Aman (IQDAR) kepada Wakaf Am"** atas masalah atau kepentingan Agama Islam iaitu **Pusat Pengajian Islam.**

Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah menasihatkan pihak MAIK agar dapat mencadangkan kepada pewakaf iaitu Puan Sepiah @ Safiah binti Hamid supaya **menukar status wakaf daripada Wakaf Khas kepada Wakaf Am atas Lot 168 Mukim Hosba, Daerah Kubang Pasu dan GM 734 Lot 1232 Mukim Ulu Melaka, Daerah Pulau Langkawi, Kedah** bagi membolehkan pihak lain memajukan tanah wakaf berkenaan.

TARIKH KEPUTUSAN : 13 DISEMBER 2020